

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 58**

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-**

- a. berapa bilangan Pusat Internet Komuniti (PIK) di negeri Pulau Pinang dalam tempoh 2017 hingga 2021; dan
- b. apakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bercadang untuk menyediakan lebih banyak PIK di negeri Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bagi membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID19.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, terdapat tiga (3) Pusat Internet Komuniti (PIK) di negeri Pulau Pinang yang meliputi satu (1) di daerah Tasek Gelugor dan dua (2) di daerah Balik Pulau. Pemilihan PIK ini adalah berdasarkan kawasan miskin bandar dan kawasan (dengan izin) *underserved region/area* bagi menyediakan kemudahan liputan jalur lebar terutamanya bagi golongan B40 yang kurang berkemampuan sekali gus merapatkan jurang digital.

Bagi menangani keperluan pandemik Covid-19 yang membawa kepada peningkatan pembelajaran, perniagaan dan transaksi secara dalam talian, PIK dilihat sebagai salah satu platform untuk memenuhi hasrat ini.

Dengan itu, bagi negeri Pulau Pinang, PIK akan diperluaskan lagi dan akan disediakan di lokasi-lokasi kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), luar bandar dan miskin bandar. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menambah bilangan PIK berdasarkan keperluan di kawasan-kawasan ini bagi kemudahan penduduk setempat.